

BAB I

ABDULLAH BIN `ABBĀS SEBAGAI PERAWI ḤADĪTH

Kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. bersama para sahabatnya adalah kehidupan yang penuh dengan berkat, iaitu berkat kenabian dan berkat keilmuan. Nabi Muhammad s.a.w. adalah *uswah ḥasanah*, teladan yang baik bagi seluruh manusia. Beliau juga dipuji oleh Allah sebagai seseorang yang berakhlak mulia. Ini dibuktikan bahawa perkataan, perbuatan dan pernyataan Nabi dijadikan sebagai sumber hukum kedua setelah al-Quran.

Sepanjang hayat Nabi Muhammad s.a.w., para sahabatlah yang berinteraksi dekat dengan beliau. Para sahabat inilah yang mengetahui bagaimana kehidupan Baginda sama ada perkataan, perbuatan, penetapan, sifat dan sejarah perjalanan hidup beliau. Kandungan ḥadīth atau sunnah yang mereka terima meliputi semua permasalahan akidah, ibadah, mu`amalah, aktiviti individu dan moral. Kandungan tersebut berkait rapat dengan kehidupan sehari-hari, sama ada dalam keadaan damai, saat perang, keadaan lapang mahupun dalam situasi sulit. Mereka datang ke majlis Nabi semata-mata atas keimanan yang kuat dan kecintaan kepada Nabi mereka iaitu Nabi Muhammad s.a.w.

Antara para sahabat yang ikut serta menikmati hidangan ilmu Rasulullah s.a.w. ialah sepupu beliau sendiri, iaitu `Abdullah bin `Abbās yang hidup besar dalam didikan dan bimbingan beliau. Inilah yang akan menjadi topik utama dalam bab ini, iaitu memperkenalkan sosok seorang sahabat istimewa yang oleh baginda telah doakan secara khas ”Ya Allah berilah kepadanya kefahaman dalam agama dan ajarkanlah ia *ta`wīl*”. Bab ini juga akan menghuraikan peranan Ibn `Abbās dalam meriwayatkan ḥadīth.

2.1 Riwayat Hidup Ibnu `Abbās

2.1.1 Nama, Nasab dan Kehidupan

Nama penuh beliau ialah Abū al-`Abbās `Abd Allāh bin al-`Abbās bin `Abd al-Muṭṭalib Shaybah bin Hāshim bin `Abd Manāf bin Quṣay bin Kilāb bin Murrah bin Ka`ab bin Luay bin Ghālib bin Fihr al-Qurashī al-Hāshimī al-Makkī.¹ Kunniyahnya ialah Abū al-`Abbās, diambil daripada anak sulung beliau yang bernama al-`Abbās.²

Ayah beliau ialah al-`Abbās bapak saudara Rasulullah s.a.w. dan ibunya bernama Lubābah al-Kubrā binti al-Ḥārith bin Hazn al-Hilāliyah, saudara isteri Nabi s.a.w. yang bernama Maymūnah binti al-Ḥārith, *Umm al-Mu'minīn*. Dan al-Ḥārith adalah sepupu Khālid bin al-Walīd dari sebelah ibu.³

Ibn `Abbās dilahirkan tiga tahun sebelum hijrah di *Shi'b* (perkampungan) Bani Hāshim di Mekah ketika dikepung dan diboikot oleh kaum Quraish. Sebaik sahaja lahir, Ibn `Abbās di-*taḥnik*⁴ oleh Nabi s.a.w. atas permintaan ibunya sendiri, Umm al-Faḍl. Kemudian Nabi memberinya nama `Abd Allāh al-`Abbās.⁵

Hasil perkahwinannya dengan Umm al-Faḍl, al-Abbās dikurniai sepuluh orang anak, yang kesemuanya adalah anak lelaki, iaitu al-Faḍl, `Abd Allāh, `Ubaydullāh, Ma`bad, Qatham, `Abd al-Raḥmān, Kāthir, al-Ḥārith, `Awn, dan Tamām. Masing-masing wafat di Negeri yang berjauhan dengan saudaranya yang lain. Al-Faḍl mati syahid di Ajnadayn, `Abd Allāh wafat di Ṭā`if, `Ubaydullāh di Yaman, Ma`bad dan `Abd

¹ Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad `Uthmān al-Dhahabī, (1982), *Siyār A`lām al-Nubalā*, taḥqīq: Shu`ayb al-Arnawṭ, c. 2, j. 3, Bayrūt: Mu`assasah al-Risālah, h. 331, Muḥyi al-Dīn al-Ta`mī (1994), *I`lām al-Nās bi Fazāil Ḥabr al-Ummah `Abd Allāh bin al-`Abbās*, c. 1, Kaherah: Dār al-Hudā, h. 15.

² `Izz al-Dīn bin al-Athīr Abū al-Ḥasan `Alī bin Muḥammad Al-Jazarī, (t.t.), *Usd al-Ghābah fī Ma`rifah al-Saḥābah*, taḥqīq: Alī Muḥammad Mu`awwid, j. 3, Bayrūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyah, h. 291.

³ *Ibid*, h. 292. Lihat juga: Ibnu Ahmad `Alimi (2008), *Tokoh dan Ulama Hadis*, Sidoarjo: Penerbit Mashun, h. 82

⁴ *Taḥnik* ialah berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud perbuatan memasukkan sedikit benda manis (seperti kurma yang telah dimamah) ke dalam bayi yang baru lahir sebelum diberi susu. Dr. Tengku Iskandar (2005), *Kamus Dewan*, Edisi ke Empat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1570.

⁵ Muḥyi al-Dīn al-Ta`mī (1994), *op. cit.*, h. 19; Lihat: `Abd al-`Azīz al-Ṣanāwī (t.t.), *`Abd Allāh in `Abbās Turjumān al-Qur`ān*, Kaherah: Dār al-Kutub al-`Arabī, h. 7; Muḥammad Ḥusayn Al-Dhahabī (2000), *al-Tafsīr wa al-Mufasirūn*, c. 7, j. 1, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 50.

al-Raḥmān di Afrika, Qatham dan Kāthīr di Yambu', dan dikatakan Qatham wafat di Samarqand.⁶

Ibn `Abbās hidup besar di Mekah al-Mukarramah dalam keluarga yang islamik, di mana ayah dan ibunya telah memeluk Islam terlebih dahulu. Sosok al-`Abbās adalah seorang yang disegani dan dihormati oleh kaumnya. Dan beliau tidak ingin berselisih dengan mereka, sehingga akhirnya menyembunyikan keislamannya.⁷

Beberapa hari sebelum pembebasan Mekah atau *Fatḥ Mekah*, Ibn `Abbās beserta ayahnya berhijrah ke Madinah al-Munawwarah. Dalam perjalanan mereka berjumpa dengan Rasulullah s.a.w. di Juḥfah yang sedang bersiap-siap beserta pasukannya untuk membebaskan kota Mekah. Rasulullah s.a.w. bersabda kepada al-`Abbās; wahai bapak saudaraku, hijrah ini adalah hijrah yang terakhir dan engkau adalah orang yang paling terakhir berhijrah, sebagaimana aku adalah Nabi yang terakhir. Al-`Abbās kemudian mengutus Umm al-Faḍl dan anak-anaknya: `Abd al-Raḥmān, Qatham, Ma`bad, `Ubaydullah, dan Umm Ḥabab ke Madinah, lalu al-`Abbās kembali bersama Rasulullah beserta pasukannya ke Mekah, beliau pun ikut serta dalam peristiwa *Fatḥ Mekah*, perang Ḥunayn dan perang Ṭā`if.⁸

Usia Ibn `Abbās ketika Rasulullah wafat ialah lima belas tahun. Dalam riwayat lain disebutkan bahawa usia beliau ketika itu tiga belas tahun, dikatakan juga 10 tahun. Kata Ibn Ḥanbal; pendapat yang betul adalah riwayat yang pertama iaitu lima belas tahun.⁹

2.1.2 Pendidikan Ibn `Abbās

⁶ Muḥyi al-Dīn al-Ta`mī, (1994), *op. cit.*, h. 29.

⁷ `Abd al-`Azīz bin `Abd Allāh Al-Ḥumaydī (t.t.), *Tafsīr Ibn `Abbas wa Marwiyyātuh fī al-Tafsīr min Kutub al-Sunnah*, Mekah: Markaz al-Baḥth al-`Ilmī, Jāmi`ah Umm al-Qurā, h. 8.

⁸ `Abd al-`Azīz al-Ṣanāwī (t.t.), *op. cit.*, h. 18.

⁹ Al-Ḥāfiẓ Jamāl al-Dīn Abū al-Ḥajjāj Yūsuf al-Mizzī, (1983), *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā` al-Rijāl*, taḥqīq: Dr. Bashshār `Awwād Ma`rūf, j. 15, Bayrūt: Mu`assasah al-Risālah, h. 161.

Pada masa kecilnya, Ibn `Abbās diasuh oleh Rasulullah s.a.w. dan beliau adalah guru pertamanya. Beliau sentiasa menyertai beliau semenjak kecil, tidur bersama Nabi s.a.w. di bilik ibu saudara Ibn `Abbas, Maymūnah binti al-Ḥārith. Dengan itu, maka ia dapat melihat Rasulullah s.a.w. dari dekat, seperti ketika baginda solat pada tengah malam, menjadi makmum di belakangnya dan mendengar zikir-zikir beliau.

Pada suatu malam Nabi s.a.w. bangun solat malam, maka Ibn `Abbās berwuduk lalu berdiri solat di sebelah kiri baginda, maka beliau memegang kepalanya, kemudian memindahkan ke sebelah kanannya. Selepas menyelesaikan solat tiga belas rakaat, beliau berbaring, lalu tertidur sehingga berdengkur. Kemudian Bilāl bin Rabāḥ - tukang azan Rasulullah - mengumandangkan azan Subuh: “Ḥayya `ala al-Ṣalāḥ, Ḥayya `ala al-Falāḥ ya Rasūlullāh”, kata Ibn `Abbas: Nabi s.a.w. bangun solat dan tidak berwuduk lagi, sebab tidur seorang nabi bukan sebuah kekurangan.¹⁰

Ibn `Abbās sering menunggang kuda bersama Rasulullah s.a.w., ia duduk di belakang beliau, Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: wahai ghulam (anak kecil), mahukah kamu aku ajarkan beberapa kalimat, yang Allah SWT akan memberimu manfaat dengannya? Jagalah Allah! Nescaya Allah akan menjagamu, jagalah Allah! Nescaya engkau akan mendapatkan-Nya di hadapanmu, kenallah Allah pada masa kesenangan! Nescaya Allah akan mengenalimu pada masa kesusahan, apabila engkau memohon, pohonlah kepada Allah, apabila engkau meminta pertolongan pintalah kepada Allah.¹¹ Ibn `Abbas mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w. hendak mempersiapkan dirinya untuk menyambut ilmu pengetahuan dan ma`rifah. Rasulullah sentiasa berdoa untuknya dengan mengelus-elus kepalanya: Ya Allah, berkahilah padanya, sebarkanlah

¹⁰ `Abd al-`Azīz al-Ṣanāwī (t.t.), *op. cit.*, h. 19.

¹¹ Ḥadīth ini panjang, diriwayatkan al-Tirmidhī, kitab: Ṣifāh al-Qiyāmah wa al-Raqā`iq wa al-Wara', bab: ḥadīth Hanzalah, ḥadīth 2516, kata Abū Isa: ḥadīth ini ḥasan ṣaḥīḥ. Abū `Isa Muḥammad bin `Isa (2000), *Jāmi' al-Tirmidhī*, dalam *Mawsū'ah al-Kutub al-Sittah*, c. 3, Riyādh: Dār al-Salām, h. 1904.

ilmu daripadanya dan jadikanlah ia hamba-Mu yang soleh. Ya Allah, kurniakanlah kepadanya hikmah dan ajarkanlah ia takwil.” Kemudian beliau meletakkan tangan beliau di atas dadanya dan berdoa: Ya Allah, isilah dadanya dengan hikmah dan ilmu.¹²

Doa seorang Nabi tentunya dikabulkan oleh Allah, sehingga Ibn `Abbās pun kemudian menjadi tokoh sahabat yang `alim dan menjadi rujukan dalam masalah-masalah agama. Ia diberi gelar “Ḥabr al-Ummah” Ulama Umat ini, kerana akal fikirannya yang cemerlang, hatinya yang bersih dan pengetahuannya yang luas. Ibn `Abbās juga dijuluki “al-Baḥr”, lautan, iaitu kerana lautan ilmu yang dimilikinya. Selain itu ia dekat dan rapat dengan Rasulullah, menerima ḥadīth yang banyak dari beliau sehingga ia menjadi “Turjuman al-Quran” iaitu penjelas al-Quran.¹³

Semangat Ibn `Abbās menuntut ilmu sangat besar sejak kecil lagi. Beliau sentiasa menghadiri majlis Rasulullah s.a.w. Ia tidak mahu mensia-siakan masa kecilnya berlalu tanpa mencari ilmu dari utusan Allah tersebut. Setelah Rasulullah s.a.w. wafat, ia sangat gigih menuntut ilmu kepada para sahabat, ia bertanya kepada mereka perkara-perkara mengenai Kitabullah dan sunnah Rasulullah, terutama dalam perkara-perkara yang belum sempat ia pelajari. Semangatnya menuntut ilmu sungguh luar biasa dan patut diteladani.¹⁴

Banyak kisah-kisah menakjubkan yang menunjukkan semangat Ibn `Abbās dalam menuntut ilmu, tidak peduli kepada siapa dan dalam keadaan apa pun. Jika ia mendengar ada seseorang yang mengetahui suatu hikmah atau menghafaz sebuah ḥadīth, maka Ibn

¹² Ḥadīth Riwayat al-Bukhārī, kitab: Faḍā'il Aṣḥāb al-Nabī, bāb: Dhikr Ibn `Abbās, ḥadīth 3756, al-Tirmidhī, kitāb: al-Manāqib, bāb: Manāqib `Abd Allāh bin `Abbās r.a. (42), ḥadīth 3823, 3824, *Ibid.*, h. 2044; Ibn Mājah, Kitāb: al-Sunah, bāb: Faḍl Aṣḥāb al-Nabī s.a.w., Faḍl Ibn `Abbās, ḥadīth 166, Ibn Mājah (2000), *Sunan Ibn Mājah, Ibid.*, h. 2487. lihat: `Abd al-`Azīz al-Ṣanāwī (t.t.), *op. cit.*, h. 20.

¹³ Ibnu Aḥmad `Ālimī (2008), *op. cit.*, h. 83.

¹⁴ `Abd al-`Azīz bin `Abd Allāh al-Ḥumaydī (t.t.), *op. cit.*, h. 9.

`Abbās segera mendatangnya untuk belajar darinya. Ia sendiri pernah berkata: “aku pernah bertanya kepada tiga puluh orang sahabat mengenai satu masalah.

Inilah salah satu kisah Ibn `Abbās yang luar biasa dalam menuntut ilmu. Ia menceritakan bahawa: “Ibn `Abbās pernah mendengar bahawa ada seorang sahabat yang bernama Zayd bin Thābit al-Anṣārī banyak mengetahui ḥadīth-ḥadīth Nabi s.a.w., maka Ibn `Abbās mendatangi rumahnya. Saat itu ia sedang tidur siang (*Qaylūlah*). Maka Ibn `Abbās membentangkan kainnya di hadapan pintu rumahnya untuk duduk. Ia menunggu hingga tubuhnya penuh dengan debu yang diterbangkan oleh angin. Ketika Zayd bin Thābit sudah bangun, lalu keluar rumah dan kehairanan melihat Ibn `Abbās, ia berkata, Wahai sepupu Rasulullah, apa yang membuatmu datang ke rumahku? Andai sahaja engkau mengutus orang memberitahuku, aku akan datang ke rumahmu”. Ibn `Abbās menjawab: “Tidak! Engkaulah lebih patut aku datang, lalu Ibn `Abbās bertanya kepadanya tentang ḥadīth Rasulullah s.a.w.” Inilah semangat belajar dari sepupu seorang Nabi mulia. Ia rela menunggu demi ilmu dengan duduk di hadapan pintu rumah gurunya walaupun kotor oleh debu.¹⁵

Ibn `Abbās juga pernah mendatangi rumah Ubay bin Ka`ab al-Anṣārī, namun ia sedang tidur, lalu Ibn `Abbās menunggunya. Setelah bangun beliau bertanya kepadanya tentang surah-surah yang diturunkan di Madinah. Kata Ubay bin Ka`ab: telah turun di Madinah 27 surah, selain itu turun di Mekah. Ibn `Abbas menulis di atas kertas (*lawḥ*) apa yang dikatakan oleh Ubay bin Ka`ab dan menulis ḥadīth-ḥadīth Nabi daripadanya.¹⁶

¹⁵ `Abd al-`Azīz al-Ṣanāwī (t.t.), *op. cit.*, h. 25.

¹⁶ *Ibid.*

2.1.3 Keluasan Ilmu dan Keperibadian Ibn `Abbās

Berkat doa Nabi s.a.w. kepadanya, ilmu Ibn `Abbās bertambah dan berkembang. Ia dikurniai daya ingat yang kuat, kecerdasan, dan kerendahan hati. Dalam usianya yang masih muda, ia telah menjadi orang alim, bijaksana, memiliki kehati-hatian, dan fikiran yang bersih. Kerana hal tersebut, Khalifah `Umar bin al-Khaṭṭāb sentiasa melibatkan Ibn `Abbās dalam memecahkan masalah-masalah besar. `Umar bin Khaṭṭāb pun menjulukinya “Pemuda yang sudah tua”.¹⁷

Penguasaan Ibn `Abbās terhadap pelbagai ilmu membuat orang takjub. Ia adalah ulama yang ahli dalam pelbagai ilmu seperti tafsir al-Quran, fekah, sejarah, bahasa dan sastera Arab. Ia menjadi rujukan para ulama, hingga mereka pun datang menimba ilmu dari sepupu Rasulullah ini. Ibn `Abbās pernah ditanya, bagaimana kau dapat ilmu ini? Ia menjawab: “Dengan banyak bertanya dan tidak berhenti berfikir.” Melalui lisan yang selalu bertanya ilmu dan otak yang sentiasa berfikir, serta adanya sikap tawaduk telah menjadikan `Abd Allāh bin `Abbās sebagai “Ulama umat ini”.¹⁸

Sa`d bin Abī Waqqās mengakui kemampuan `Abd Allāh bin `Abbās dengan mengatakan, “Aku tidak pernah melihat orang yang cepat mengerti, sangat lapang dada, sangat luas ilmunya dan sangat penyantun, selain `Abd Allāh bin `Abbās. Aku lihat Khalifah `Umar bin Khaṭṭāb sentiasa melibatkan dalam urusan-urusan yang susah, padahal ia sudah memiliki penasihat dari kaum Muhājirīn dan Anṣār yang pernah ikut Perang Badar.” Ibn `Umar r.a. pernah mengatakan, “Ibn `Abbās adalah umat Muhammad yang paling mengetahui tentang apa yang diturunkan kepada Muhammad.”¹⁹

¹⁷ Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op. cit.*, h. 51.

¹⁸ Ibnu Aḥmad `Ālimī (2008), *op. cit.*, h. 85.

¹⁹ Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op. cit.*, h. 52; `Abd al-`Azīz al-Ṣanāwī (t.t.), *op. cit.*, h. 75.

Ubaydullah bin Uthbah berkata tentang Ibn `Abbās, “Tiada seorang pun yang lebih tahu tentang ḥadīth Rasulullah daripada `Abd Allāh bin `Abbās. Tiada seorang pun yang lebih mengetahui putusan Abū Bakr, `Umar, dan `Uthmān daripada `Abd Allāh bin `Abbās. Tiada seorang pun yang lebih memahami sesuatu pendapat kecuali dia. Tiada seorang pun yang lebih tahu tentang syair, bahasa budaya Arab, tafsir al-Quran, ilmu hitung dan hukum waris kecuali dia. Ia menyediakan satu hari untuk mengajarkan fekah, satu hari untuk tafsir, satu hari untuk kisah peperangan atau sejarah, satu hari untuk syair, dan satu hari untuk budaya Arab. Setiap ulama hormat kepadanya, dan setiap orang yang bertanya, ia pasti memberikan jawapan.”²⁰

Sebagai contoh keahlian beliau dalam tafsir al-Quran ialah ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abū Biṣr daripada Sa`īd bin Jubayr daripada Ibn `Abbās katanya: `Umar bin al-Khaṭṭāb pernah mempersilakan aku berkumpul bersama tokoh-tokoh perang Badar, sesetengah mereka bertanya, mengapa engkau memasukkan anak ini bersama kami, kami juga punya anak-anak seumur dia? Maka `Umar bertanya kepada mereka: apa yang kamu sekalian ketahui daripada firman Allah ﷻ إِذَا جَاء نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ? sesetengah mereka berkata: itu perintah memanjatkan pujian kepada Allah s.w.t. dan memperbanyak istighfar apabila kita mendapatkan pertolongan, sesetengahnya hanya diam, tidak menjawab apa-apa. Lalu `Umar berkata: apakah demikian juga yang engkau katakan wahai Ibn `Abbās? Jawabku: tidak, kata `Umar: apa pentafsiranmu? Aku jawab: itu adalah ajal Rasulullah s.a.w., Allah telah memberitahukan kepadanya. Lalu `Umar berkata: aku juga mengetahui seperti yang engkau katakan.²¹

²⁰ Muḥyi al-Dīn al-Ta`mī (1994), *op. cit.*, h. 89-90.

²¹ Ḥadīth riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Tafsīr, Surah al-Naṣr, bāb (2), ḥadīth 4970. Ismā`īl bin Ibrāhīm al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Mawsū`ah al-Kutub al-Sittah*, c. 3, Riyāḍ: Dār al-Salām, h. 431.

Selain sebagai orang yang `alim, `Abd Allāh bin `Abbās juga merupakan peribadi yang dermawan dan pemurah. Ia memberikan hartanya kepada sesiapa sahaja yang memerlukan sepertimana ia memberikan ilmunya kepada orang lain. Orang-orang sezamannya mengatakan, “Kami tidak pernah melihat rumah yang lebih banyak makanan, minuman, buah-buahan, dan ilmu, selain rumah Ibn `Abbās.”²²

Ibn `Abbās memiliki hati yang bersih dan tidak pernah iri hati, apalagi benci. Keinginannya tidak pernah berhenti, ialah agar setiap orang, sama ada yang dikenalnya ataupun tidak sentiasa mendapat kebaikan. Ia pernah berkata, “setiap aku mengetahui suatu ayat daripada al-Quran, aku berharap semua orang mengetahui seperti yang aku ketahui. Setiap aku mendengar seorang pemimpin kaum Muslimin, yang memimpin dan memutuskan dengan adil, maka aku turut merasa gembira, walaupun aku tidak memiliki haiwan gembalaan di daerah tersebut.” Inilah hati yang sentiasa disinari cahaya kebaikan, sentiasa mengharap kebaikan tidak hanya untuk dirinya, tapi juga kepada orang lain.²³

Dalam perkara ibadah, Ibn `Abbās adalah seorang yang khusyuk dan pasrah. Setiap malam dihiasi dengan *qiyām al-layl* dan hari-harinya dihiasi dengan puasa. Beliau sentiasa berpuasa pada hari Isnin dan Khamis. Kata Ibn `Abbās: "Aku suka apabila amalku diangkat sedang aku dalam keadaan berpuasa. Suatu saat Ibn `Abbās menderita penyakit mata, doktor yang akan mengubatinya berkata: kami akan mengangkat penyakit dari matamu, tapi dengan syarat engkau mesti tinggalkan solat selama tujuh hari. Maka beliau berkata: tidak, barang siapa meninggalkan solat sedang ia sanggup melaksanakannya, nescaya dia akan menjumpai Allah, sedang Allah murka atasnya."²⁴

²² Ibnu Ahmad `Alimi (2008), *op. cit*, h. 78.

²³ `Abd al-`Azīz al-Ṣanāwī (t.t.), *op. cit*, h. 71.

²⁴ Muḥyi al-Dīn al-Ta'mī (1994), *op. cit*, h. 117-118.

Kemuliaan peribadinya tidak berubah, walaupun ia menjawat sebagai gabenor di Baṣrah pada masa pemerintahan Khalifah `Alī bin Abī Ṭālib. Walaupun ia kemudian kembali ke Mekah untuk mengajar masyarakat luas.²⁵ Seorang penduduk Baṣrah yang bernama Sa`sa`ah bin Ṣuḥān melukiskan `Abd Allāh bin `Abbās dengan berkata, “ia mengambil tiga perkara dan meninggalkan tiga perkara, iaitu mengambil hati saat berbicara, mengambil pendengarannya saat orang lain bicara, dan mengambil yang paling mudah jika terjadi perselisihan pendapat. Ia meninggalkan perdebatan tanpa hujung, menjauhi berteman dengan orang-orang tercela, dan meninggalkan setiap perkara yang mesti di jauhi.”²⁶

Kecemerlangan yang dicapai Ibn `Abbās sebagai seorang yang ulama masyhur, tidak terlepas dari beberapa sebab dan faktor-faktor yang menyokongnya, ia dapat diringkaskan sebagai berikut:

1. Do`a Nabi s.a.w. untuknya: “Ya Allah berikan kepadanya kefahaman dalam agama dan ajarkanlah *ta`wīl*” dan banyak lagi doa Nabi yang khas untuknya. Do`a beliau dapat dikesan pada keahliannya dan kedalaman ilmunya sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibn `Abbās.
2. Ibn `Abbās hidup besar dalam rumah tangga Nabi, sentiasa menyertainya, banyak mendengarkan ilmu daripadanya, menyaksikan banyak peristiwa penting dan keadaan-keadaan semasa al-Quran diturunkan.
3. *Mulāzamah* Ibn `Abbās dengan para sahabat selepas wafatnya Nabi s.a.w., Ibn `Abbās meriwayatkan daripada mereka, mempelajari daripada mereka tempat-tempat turunnya al-Quran, *tārikh tashri`*, dan sebab-sebab turunnya

²⁵ `Abd al-`Azīz bin `Abd Allāh Al-Ḥumaydī (t.t.), *op. cit*, h. 22.

²⁶ `Imād al-Dīn Abū al-Fidā` Ismāīl bin `Umar al-Qurashī al-Dimashqī (1997), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, taḥqīq: `Abd Allāh bin `Abd al-Muḥsin al-Turkī, j. 12, Kaherah: Dār Ḥajar, h. 92.

ayat. Dengan ini Ibn `Abbās dapat mengetahui ilmu-ilmu yang terlewat sebab kewafatan Nabi s.a.w.

4. Kemahirannya dalam bahasa Arab, mengetahui perkataan-perkataan ghārib, sastera Arab, dan selok beloknya. Ibn `Abbās sering menghubungkan makna ayat-ayat al-Quran yang beliau fahami dengan bait-bait syair.
5. Keilmuannya yang mencapai derajat ijtihad, keberaniannya menjelaskan apa yang diyakini kebenarannya tanpa mempedulikan orang-orang yang mengkritik. Ibn `Umar kadang mengkritik keberanian Ibn `Abbās dalam mentafsirkan al-Quran, namun Ibn `Abbās tetap dalam pendiriannya, dan akhirnya Ibn `Umar menarik kembali perkataannya dan mengakui keilmuan Ibn `Abbās.²⁷

Inilah sebab-sebab yang menyokong kemasyhuran Ibn `Abbās dan kedalaman pengetahuannya dalam pelbagai bidang, ditambah lagi dengan posisi beliau sebagai ahlu bait Nabi yang menjadi sumber hidayah dan cahaya Islam, kemudian disokong oleh keimanan yang kuat, agama yang kokoh, akal yang cerdas, pemikiran yang cemerlang dan jiwa kepemimpinan yang handal.

2.1.4 Keistimewaan Ibn `Abbās dan Karamahnya

Banyak kelebihan-kelebihan dan karamah yang Allah telah kurniakan kepada Ibn `Abbās, di antaranya adalah:

1. Do`a khas Nabi kepada Ibn `Abbās agar diberikan hikmah, ta`wīl dan kefahaman dalam agama sepertimana yang telah dijelaskan.
2. Ibn `Abbās pernah melihat Malaikat dua kali. Sebagaimana di nukil riwayatnya oleh al-Dhahabī dalam kitab *Siyār*: Ḥammād bin Salamah meriwayatkan daripada

²⁷ Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op. cit.*, j.1, h. 52

ʿAmmār bin Abū ʿAmmār daripada Ibn ʿAbbās, ia berkata: aku pernah bersama ayahku di sisi Nabi s.a.w. dan beliau seakan-akan berpaling dari ayahku, maka kami keluar dari tempat beliau, lalu ayahku bertanya: mengapa sepupumu berpaling dariku? jawabku: beliau sedang berbincang dengan seseorang. Katanya: apakah ada orang bersamanya? Jawabku: betul, lalu ia kembali kepada Nabi dan bertanya: wahai Rasulullah, apakah tadi engkau bersama seseorang? Beliau bersabda: apakah engkau melihatnya wahai ʿAbd Allāh? Jawabku: iya, sabdanya: ia adalah Malaikat Jibrail, makanya aku sibuk dari melayanimu.²⁸ Dalam riwayat lain daripada Mūsa bin Maysarah, bahawasanya al-ʿAbbās mengutus anaknya Ibn ʿAbbās kepada Rasulullah s.a.w. demi satu hajat, maka ia mendapati ada seorang lelaki bersamanya, lalu ia pulang dan tidak berbicara dengannya. Setelah itu al-ʿAbbās menjumpai Rasulullah s.a.w. dan berkata: aku telah mengutus anakku kepadamu namun ia mendapati ada seorang lelaki bersamamu sehingga tidak dapat berbicara denganmu, maka sabdanya: wahai bapak saudaraku, tahukah engkau siapakah lelaki itu? Jawabnya: tidak. Sabdanya: dialah Malaikat Jibrail bertemu denganku, anakmu tidak akan meninggal sehingga matanya buta dan diberikan ilmu.²⁹

3. Pada saat Ibn ʿAbbās wafat di Ṭāʾif, kemudian hendak disolatkan, tiba-tiba ada burung putih masuk ke dalam kain kafannya, lalu orang-orang mencarinya namun tidak mendapatkannya, tidak lama kemudian orang yang hadir mensolatkan jenazahnya mendengar suara membaca ayat ke-27 sampai ayat ke-30 dari surah al-Fajr tanpa melihat orang yang membacanya, yang bermaksud: “Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya!. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas

²⁸ Lihat al-Dhahabī (1982), *op. cit.*, j. 3, h. 340.

²⁹ *Ibid.* Dalam satu riwayat dijelaskan bahawa Malaikat Jibril datang dalam rupa Dihyah bin Khalīfah al-Kalbī, ia mengkhabarkan bahawa suatu saat Ibn ʿAbbās akan menderita kehilangan penglihatan.

hati (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi diredai (di sisi Tuhanmu)!. Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaku yang berbahagia!. Dan masuklah ke dalam Syurga-Ku!".³⁰ Dalam sumber lain disebutkan bahawa burung putih itu masuk ke dalam peti mayat dan ketika Jenazah Ibn `Abbās dimasukkan ke dalam liang lahad, terdengar suara yang membaca ayat tersebut.³¹

2.1.5 Kewafatan `Abd Allāh bin `Abbās

Setelah menjalani hidupnya dengan ilmu yang diwariskannya, `Abd Allāh bin `Abbās meninggal dunia di Ṭā`if pada tahun 78 H. Sepupu Nabi ini menuju ke hadirat Allah pada usianya yang ke-72 tahun. Solat jenazahnya diimamkan oleh Ibn al-Ḥanafiyah. Semoga Allah SWT. merahmatinya. Amin.³² Menurut sumber lain, Ibn `Abbās wafat tahun 68 H, iaitu pada usia yang ke-70 tahun.³³

2.2 Ibnu `Abbās Sebagai Perawi Ḥadīth

`Abd Allāh bin `Abbās merupakan salah seorang sahabat yang dekat dan akrab dengan Rasulullah. Ia banyak meriwayatkan ḥadīth langsung daripada guru utamanya, iaitu Rasulullah s.a.w. Selain daripada beliau, beliau juga meriwayatkan ḥadīth daripada para sahabat dan ramai juga yang telah meriwayatkan daripada Ibn `Abbās dari kalangan sahabat dan tabi`in.

2.2.1 Guru-guru Ibn `Abbās daripada Sahabat

Setelah kepergian Rasulullah ke Rafiqul A`la, Ibn `Abbās mempelajari sungguh-sungguh dan meriwayatkan daripada para sahabat apa-apa yang didengar dan dipelajarinya dari Baginda. Nama-nama para sahabat tersebut ialah: al-`Abbās, ayahnya

³⁰ Ibn Kāthīr (1997), *op. cit.*, j. 12, h. 109-110.

³¹ Abū al-Faḍl Aḥmad bin `Ali bi Muḥammad al-`Asqalānī Ibn Ḥajar (1853), *Al-Iṣābah fī Tamayīz al-Ṣaḥābah*, j. 4, Kaerah: Dār al-Kutub, h. 94.

³² Ibn Khalikan (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 64.

³³ Al-Dhahabī (2000), *op. cit.*, h. 50; al-Jazari (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 294.

sendiri, ibunya (Umm al-Faḍl), saudaranya (al-Fāḍil), ibu saudaranya, Maymūnah, Abū Bakr al-Ṣiddīq, `Umar bin al-Khaṭṭāb, `Uthmān bin `Affān, `Alī bin Abī Ṭālib, `Abd al-Raḥmān bin `Awf, Abū Dhār al-Ghifārī, `Ubay bin Ka`ab, Tamīm al-Dārī, Khālid bin Walīd, Usāmah bin Zayd, Abū Sa`īd al-Khudrī, Abū Hurayrah, Mu`āwiyah bin Abū Sufyān, Mu`ādh bin Jabal, Buraydah bin al-Ḥusayb al-Aslamī, Sa`d bin `Ubādah, `Ammār bin Yāsir, Abū Sufyan bin Ḥarb, Asmā' binti Abū Bakr, Juwayriyah binti al-Ḥārith, Ummu Salamah dan Ummu Hānī binti Abū Ṭālib.³⁴

2.2.2 Murid-Murid `Abd Allāh bin `Abbās

`Abd Allāh bin `Abbās adalah rujukan bagi umat. Orang-orang banyak meriwayatkan ḥadīth daripadanya. Kalangan sahabat dan tabiin yang masyhur meriwayatkan ḥadīth Nabi daripadanya. Di antara nama-nama tersebut ialah: `Abd Allāh bin `Umar bin al-Khaṭṭāb, `Abd Allāh bin `Amr bin Tha`labah bin al-Ḥakam al-Laythī, al-Miswar bin Makramah, Abū Ṭufayl, Ibrāhim bin `Abd Allāh bin Ma`bad, al-Arqām bin Shuraḥbīl, Anas bin Mālik, Anas al-Baṣrī, al-Ḥasan bin Abū al-Ḥasan al-Baṣrī, Ḥumayd bin `Abd al-Raḥmān bin `Awf, Shu`bah Mawlā Ibn `Abbās, `Abd Allāh bin `Ubaydullāh bin `Abbās, Sa`īd bin al-Musayyab, `Abd Allāh bin al-Ḥārith bin Nawfal, Abū Salamah bin `Abd al-Raḥmān, al-Qāsim bin Muḥammad, Ikrimah, `Aṭā` bin Abī Rabāḥ, al-Dahhāk bin Muzahim, Ibn Sirīn, Ṭāwūs, Sa`īd bin Jubayr, `Amr bin Dīnār, Fātimah binti al-Ḥusayn bin `Alī bin `Abū Ṭālib dan ramai lagi.³⁵

³⁴ Al-Mizzī telah menyenaraikan sebanyak 34 sahabat yang menjadi guru Ibnu `Abbās. Lihat: al-Mizzī (1983), *op. cit.*, j. 15, h. 155-156.

³⁵ *Ibid.*, h. 156-161, lihat juga: al-Dhahabī (2000), *op. cit.* j. 3, h. 332-333.

2.2.3 Jumlah Ḥadīth yang Diriwayatkan `Abd Allāh bin `Abbās

Ibn `Abbās meriwayatkan ḥadīth daripada Rasulullah s.a.w. sebanyak 1.660 ḥadīth.³⁶ Dalam sumber lain disebutkan bahawa beliau meriwayatkan sebanyak 1670 ḥadīth. Hanya Allah-lah yang lebih mengetahui jumlahnya.³⁷ Imam al-Bukhārī dan Muslim mengeluarkan sebanyak 234 ḥadīth, 75 ḥadīth di antaranya disepakati oleh kedua imam ḥadīth tersebut. Imam al-Bukhārī sendiri mengeluarkan sebanyak 10 ḥadīth, manakala Imam Muslim mengeluarkan sebanyak 49 ḥadīth. Ḥadīth-ḥadīth yang diriwayatkan Ibn `Abbās termuat dalam enam kitab ḥadīth (*Kutub al-Sittah*) dan kitab-kitab sunan lainnya.³⁸

Ḥadīth yang diterima langsung oleh Ibn `Abbās daripada Rasulullah s.a.w. sendiri tanpa perantara, sepertimana dikemukakan oleh Ghandar hanya 9 ḥadīth, dan menurut Yaḥyā al-Qaṭṭān hanya 10 ḥadīth. Namun kedua pendapat tersebut tidak tepat; kerana dalam kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Muslim sahaja ditemukan lebih dari 10 ḥadīth, dan termasuk ḥadīth yang terdapat dalam kitab-kitab sunan lainnya.³⁹

Sanad-sanad ḥadīth yang paling tinggi nilainya yang sampai kepada Ibn `Abbās ialah melalui Ibn Syihāb al-Zuhri daripada `Ubaydullāh bin `Abd Allāh bin `Uthbah. Manakala sanad yang paling lemah ialah melalui Muḥammad bin Marwān al-Suddī al-Ṣaghīr daripada al-Kalbī daripada Abū Ṣāliḥ.⁴⁰

Dari tujuh sahabat terkenal yang paling banyak meriwayatkan ḥadīth daripada Nabi s.a.w., Ibn `Abbās terdapat pada urutan yang ke lima. Berikut adalah senarai nama-nama sahabat yang paling banyak meriwayatkan ḥadīth:

³⁶ Al-Ziriqlī (2002), *al-A`lām, Qāmūs Tarājum*, c. 15, j. 4, Bayrūt: Dār al-`Ilm li al-Malāyīn, h. 95.

³⁷ Ibn Kathīr (1997), *op. cit.*, j. 12, h. 112.

³⁸ Ibnu Ahmad `Alimi (2008), *op. cit.*, h. 90-91.

³⁹ Ibn Ḥajar al-`Asqalānī (t.t.), *Tahdhīb al-Tahzīb*, j. 2, Bayrūt: Mu`assasah al-Risālah, h. 366.

⁴⁰ Munzier Suparta (2008), *Ilmu Hadis*, Jakarta: PT. Rajagrafindo Persada, h. 222.

1. Abū Hurayrah, sebanyak 5.374 ḥadīth.
2. `Abd Allāh bin `Umar, sebanyak 2.630 ḥadīth.
3. Anas bin Mālik, sebanyak 2.286 ḥadīth.
4. `Āishah, *Umm al-Mu'minīn*, sebanyak 2.210 ḥadīth.
5. `Abd Allāh bin `Abbās, sebanyak 1.660 ḥadīth.
6. Jābir bin `Abdullāh, sebanyak 1.540 ḥadīth.
7. Abū Sa`īd al-Khudrī, sebanyak 1.170 ḥadīth.⁴¹

2.2.4 Kitab dan Tulisan Ḥadīth `Abd Allāh bin `Abbās

Ibn `Abbās telah menulis ḥadīth-ḥadīth Nabi. Salma menuturkan bahawa ia melihat `Abd Allāh bin `Abbās membawa papan-papan kayu untuk menulis ḥadīth daripada Abū Rāfi' mengenai pekerjaan-pekerjaan Nabi. Ibn Ḥajar dalam *al-Iṣābah* mengatakan bahawa Ibn `Abbās mendatangi Abū Rāfi' dan menanyakan hal-hal yang dikerjakan Nabi pada hari-hari tertentu. Ketika itu Ibn `Abbās disertai seorang yang menulis ḥadīth. Biasanya setelah solat, Ibn `Abbās duduk bersama murid-muridnya. Jika ia membaca ayat yang belum pernah didengar pentafsirannya, ia membacanya berulang-ulang sedangkan murid-muridnya menulis ayat itu. Ketika akan pergi, Ibn `Abbās menanyakannya kembali tentang ḥadīth berkenaan.⁴²

Ibn `Abbās juga mendorong murid-muridnya untuk menulis ḥadīth. Sebagaimana diriwayatkan oleh Wakī`, daripada Ikrimah bin `Ammār, daripada Yaḥya, daripada Ibn `Abbās, ia berkata: "Catatlah ḥadīth itu dengan tulisan dalam buku." Ia juga sering menulis kitab sendiri untuk murid-muridnya, antara lain kitab yang mengandungi putusan-putusan `Ali bin Abī Ṭālib. Kitab ini ditulis untuk salah satu muridnya iaitu Ibn Abī Mulaykah. `Abd Allāh bin `Abbās juga membacakan kitab-kitabnya kepada

⁴¹ Ibnu Ahmad `Alimī (2008), *op. cit.*, h. 7.

⁴² Ibn Ḥajar (1853), *al-Iṣābah*, *op. cit.*, j. 4, h. 92.

muridnya. Di kemudian hari, ketika penglihatannya mulai lemah dan sulit membaca, ia menyuruh murid-muridnya membacakan kitabnya.⁴³

Mengenai kitab-kitab Ibn `Abbās, seperti dituturkan Musa bin `Uqbah, bahawa Kurayb (murid `Abd Allāh bin `Abbās wafat tahun 98 H) membawa kitab-kitab Ibn `Abbās sebanyak muatan unta ke rumahnya. Murid-murid Ibn `Abbās yang telah menyimpan tulisan-tulisan ḥadīth beliau ialah:

1. Ibn Abī Mulaikah,
2. Al-Ḥakam bin Miqsām.
3. Sa`īd bin Jubayr.
4. `Alī bin `Abd Allāh bin `Abbās.
5. Ikrimah.
6. `Amr bin Dīnār.
7. Kurayb.
8. Najdah al-Ḥarūrī, dan
9. Mujāhid.⁴⁴

2.3. Penutup

Dari penjelasan di atas, nampaklah keistimewaan Ibnu `Abbās sebagai ahli ḥadīth. Perkara tersebut diperakui oleh sahabat-sahabat yang lain, selain ḥadīth-ḥadīthnya yang tersebar dan diriwayatkan dalam banyak kitab ḥadīth. Kerana itu, sumbangannya sangat besar sekali dalam melestarikan ilmu-ilmu Islam. Bahkan, sumber pengetahuan beliau banyak yang langsung dari Rasulullah. Keperibadiannya juga sangat baik dengan sifat-sifatnya yang mulia. *Wallahu a`lām bi al sawāb.*

⁴³ Ibnu Ahmad `Alimi (2008), *op. cit.*, h. 91.

⁴⁴ *Ibid.*, h. 92.